

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
Sent: Wednesday, August 9, 2017 2:30 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SAPSP Online: Penganjuran Bengkel Bersama SAPSP dan STKS di Bandung



Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY
Universiti Utara Malaysia

**"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Y.Bhg Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan



SAPSP Online: Satu bengkel penulisan artikel jurnal antarabangsa dan buku telah berjaya diadakan di Sekolah Tinggi Kesejahteraan Sosial, Bandung, Indonesia bermula dari 17 sehingga 19 Julai 2017. Penganjuran bengkel ini merupakan hasil

kerjasama di antara Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) dengan Sekolah Tinggi Kesejahteraan Sosial (STKS). Ia merupakan bengkel siri II bagi tahun 2017. Seramai tiga orang pensyarah dari SAPSP iaitu Prof. Madya Dr. Jamaluddin Mustaffa (Timbalan Dekan), Dr. Md. Zawawi Abu Bakar (Ketua Editor JPS), dan Dr. Syarif Muhiddin Abdulrahman Muhyiddin telah dilantik sebagai fasilitator sepanjang bengkel ini dijalankan.

Bengkel ini telah berjaya dihadiri oleh 70 orang pensyarah yang bakal memohon jawatan profesor di STKS yang mana hasil dari bengkel ini akan membantu mereka untuk proses kenaikan pangkat. Sebanyak 18 hasil penulisan akan diterbitkan di dalam Jurnal Pembangunan Sosial yang akan datang. Selain dari bengkel penulisan, pihak SAPSP juga membincangkan beberapa tajuk yang sesuai untuk projek *matching grant* antara kedua pihak.

Hasil dari bengkel ini, diharap hubungan di antara kedua buah institusi akan menjadi lebih erat bukan sahaja dalam kalangan tenaga akademik malahan dalam pelbagai aktiviti pelajar.

SEKIAN.

School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

MALAYSIA

Phone : +60 (4) 928 5711/5717

Fax : + 60 (4) 928 5754

Email : sapsp@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood

as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.